

BAHAN KECEMERLANGAN 2016

PENTAKSIRAN UPSR

BK 11

**BM PENULISAN
SK**

NAMA :

TAHUN :

DIGUBAL OLEH GURU AKRAM TERENGGANU
&
DIBIAYAI OLEH
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti perkhemahan unit beruniform di sebuah padang.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang kesan aktiviti-aktiviti tersebut berdasarkan gambar.



Bahagian B


[15 markah]

[Masa dicadangkan : 25 minit]


Poster di bawah menunjukkan cara-cara mengatasi stres.

Berdasarkan poster, tulis ulasan kamu tentang cara-cara mengatasi stres bagi seseorang murid.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.




Bilik selesa




Persediaan awal

Cara-cara mengatasi stres



Bangun awal



Berkongsi masalah bersama keluarga

Bahagian C

[25 markah]

[Masa dicadangkan : 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan sahaja**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Pada sambutan hari raya yang lalu, kamu sekeluarga telah pulang ke kampung nenek selama dua hari untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri di sana.

Tulis catatan tentang pengalaman kamu selengkapnya.

ATAU**Soalan 2**

*Indah nian pemandangan dunia,
Dari timur hingga selatan;
Sikap berjimat amalan mulia,
Orang boros sahabat syaitan.*

*Masak meranum buah ara,
Jatuh sebiji di atas papan;
Jika berjimat setiap perkara,
Pasti terjamin masa hadapan.*

Pantun di atas menggambarkan amalan hidup berjimat cermat. Berdasarkan maksud pantun tersebut, kamu dikehendaki menulis sebuah karangan tentang pentingnya berjimat cermat.

Tulis karangan kamu selengkapnya.

